

14 APR 1997

Nik Aziz-Muhammad

TINDAKAN MUHAMMAD LETAK JAWATAN ADALAH WAJAR KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 14 April (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata tindakan Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor adalah wajar untuk menjaga imej kerajaan negeri.

Katanya, keputusan Muhammad itu menunjukkan timbul rasa insaf apa yang berlaku terhadap dirinya dan tidak mahu perkara itu dikaitkan dengan kerajaan.

"Keputusan diri sendiri untuk melepaskan jawatan itu adalah baik berbanding meletakkan jawatan selepas diarah berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat mengenai masalah gejala sosial di balai Islam Lundang di sini, hari ini.

Peletakan jawatan Muhammad, 51, yang menghadapi dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta dari Australia, diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Sabtu lepas dan berkuatkuasa hari ini.

Nik Aziz berkata, pemimpin yang menghadapi masalah pribadi yang boleh dikaitkan dengan pertubuhannya perlu segera membersihkan diri supaya tidak mencemarkan organisasi berkenaan.

Beliau juga tidak menolak dakwaan bahawa parti pembangkang turut memainkan peranan yang besar untuk mendorong pemimpin yang bermasalah membersihkan dirinya sebelum sesuatu yang buruk berlaku kepada organisasi yang dipimpin.

Terdahulu dalam taklimatnya kepada lebih 1,000 orang guru agama dan pendakwah Kelantan, Nik Aziz berkata, ulama dan guru agama perlu memainkan peranan dengan lebih gigih lagi dalam usaha menangani masalah gejala sosial.

Katanya, mereka perlu menekankan soal-soal akidah dengan lebih mendalam supaya tertanam perasaan takut dalam setiap diri individu untuk melakukan kemungkaran.

"Kecuaian ulama untuk memberikan didikan yang betul dan berterusan menyebabkan sukarnya untuk mengatasi masalah gejala sosial di kalangan remaja yang kini semakin serius," katanya.

-- BERNAMA

BD AHH